

Ruang solat masjid runtuh

- 8 JUN 1991

Oleh Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Isnin — Sebahagian ruang sembahyang utama Masjid Malabar di Jalan Segambut Dalam dekat sini runtuh petang ini, dipercayai kerana hakisan tanah di tebing Sungai Batu.

Masjid yang diubah suai pada 1991 dengan kos hampir RM200,000 itu runtuh kali pertama kira-kira jam 11.30 pagi. Keseluruhan ruang utama sembahyang masjid itu runtuh kira-kira jam 6.30 petang.

Bagaimanapun ketika kejadian, tiada jemaah di dalam masjid. Kejadian itu juga menyebabkan jemaah yang ingin bersembahyang terpaksa menggunakan ruang pejabat yang terletak di bahagian belakang masjid itu.

Berita Harian difahamkan kerja-kerja mendarlamkan Sungai Batu di sebelah masjid itu sejak setahun lalu turut menjadi faktor kejadian itu.

Cerucuk besi yang dipasang di tebing sungai oleh Jabatan Parit dan Saliran (JPS) sejak setahun lalu juga dikatakan gagal menahan arus sungai pagi ini.

Ini adalah kali ketiga masjid itu runtuh. Kali pertama ialah pada 1989 dan kali kedua pada 1991.

Pengerusi jawatan kuasa masjid, Mejar (B) Abu Bakar Kutty, 43, berkata hujan lebat pagi ini dipercayai punca ruang sembahyang itu runtuh.

"Hujan lebat pagi tadi menyebabkan paras air



ABU BAKAR KUTTY
... hakisan punca runtuh

Sungai Batu di sebelah masjid naik hingga ke paras jalan raya.

"Imam Masjid, Abu Bakar Kutty bavoo berada di luar apabila mendengar bunyi retak.

"Apabila dia masuk ke dalam masjid, dinding masjid mulai retak dan kesemuanya runtuh kira-kira jam 6.30 petang ini," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Abu Bakar berkata, beliau sudah memaklumkan kejadian itu kepada JPS serta Datuk Bandar, Datuk Dr Mazlan Ahmad untuk tindakan segera.

Menurutnya, bagi mengelak kejadian tidak diingini, ruang utama masjid yang didirikan sejak 1966 itu ditutup kepada jemaah dan solat didirikan di ruang pejabat masjid.